

Pelarian wanita sering diabaikan

Oleh Siti Zarinah Sahib
stizarinah@metro.com.my



SELESAI MASALAH... (dari kiri) Dr Jemilah, Ann Whelan, Lilianne dan Chynoweth ketika membincangkan mengenai Kesihatan dan Kesejahteraan Wanita Yang Berhadapan Krisis pada persidangan baru-baru ini.

SETIAP tahun hampir beratus ribu wanita di dunia terpaksa berhadapan krisis akibat peperangan, bencana alam dan konflik sejagat yang menyebabkan mereka kehilangan tempat bergantung, kemusnahan tempat tinggal dan paling membimbangkan apabila mereka menjadi mangsa penderaan seksual serta eksploitasi gender.

Dalam hal ini apabila sesuatu bencana berlaku tidak kira sama ada peperangan atau bencana alam, biasanya wanita yang juga separuh daripada jumlah mangsa sering diabaikan daripada hak mereka untuk mendapatkan perlindungan terutama berkaitan sistem kesihatan reproduktif wanita sehinggalah kadar kelahiran meningkat lebih tinggi pada satu-satu masa ketika bencana alam.

Ini diakui Ketua Cawangan Maklum Balas Kemanusiaan, Tabung Kependudukan Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (UNFPA) yang juga pengasas Persatuan Perubatan Malaysia atau Mercy Malaysia (Mercy), Tan Sri Dr Jemilah Mahmood mengenai kadar kelahiran di kem pelarian di Haiti yang dilanda gempa bumi Januari lalu meningkat tiga kali ganda daripada biasa.

"Ini adalah sesuatu yang tidak sepatutnya berlaku kerana dalam keadaan serba kekurangan mereka sepatutnya tidak boleh mengandung atau mempunyai anak.

"Justeru, dalam hal ini apa yang harus diberi penekanan ialah pemberian pil perancang atau kondom kepada mereka untuk mengelak daripada mengandung.



LINDUNGI MEREKA... wanita dan kanak-kanak sering terdedah kepada eksploitasi di kem pelarian.

Mungkin tekanan serta tiada aktiviti lain yang boleh dilakukan di kem pelarian menyebabkan ini berlaku," katanya ketika berucap pada sesi panel perbincangan bertajuk Memastikan Kesihatan dan Kesejahteraan Wanita Yang Berhadapan Krisis, baru-baru ini.

IKLAN

Internet mudah alih tanpa had hanya **RM15/minggu** dengan DiGi Prepaid™

klik sini untuk keterangan lanjut

DiGi Internet™
Broadband/3G/WIFI
Internet Done Right™



Rahsia jana WANG





LUMAYAN 2011

JANGAN
TENGOK AJE



Kini kembali lagi!



Persidangan berkenaan anjuran Institut Pengupayaan Wanita (NIEW) Pergerakan Negara-Negara Berkecuali (NAM) dan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat.

Persidangan dihadiri oleh kira-kira 400 peserta dari Thailand, Norway, Pakistan, Amerika Syarikat, Afrika, United Kingdom, Hong Kong, Haiti, Sri Lanka, Indonesia, Australia dan India.

Selain pengawalan □menerusi pil perancang, Dr. Jemilah menambah, antara perkara yang perlu diberi □perhatian dalam misi penghantaran bantuan kemanusiaan ke kawasan bencana adalah memastikan ibu mengandung dan menyusukan anak mendapat makanan berkhasiat selain makanan berkhasiat untuk anak itu sendiri.

Ini kerana hal ini sering diabaikan menyebabkan ramai wanita menghadapi masalah kekurangan zat makanan seterusnya mengganggu kelancaran mereka memberikan khasiat terbaik untuk bayi mereka.

Tambahnya, banyak perkara yang perlu diberi penekanan bagi menyelamatkan wanita khususnya pelarian daripada terus dihipit tekanan antaranya menyediakan kawasan tempat tinggal yang selamat daripada menjadi mangsa serangan seksual atau rogol, mengurangkan masalah jangkitan HIV, pencegahan kehamilan serta peralatan kesihatan wanita seperti pemberian tuala wanita yang mencukupi yang sering di□abaikan dan dipandang remeh.

"Mangsa pelarian yang berusia lapan dan sembilan tahun sudah boleh mengandung, bayangkan sekiranya mereka dirogol dan tiada kawalan pencegahan kehamilan sudah tentu pada usia 10 tahun mereka sudah mempunyai bayi.

"Ini adalah realiti yang berlaku pada masa sekarang contohnya mangsa pelarian di kem Kandahar yang terdedah dengan penderaan seksual dan ada yang dirogol. Begitu juga dengan bantuan tuala wanita yang sangat diperlukan.

"Walaupun apa yang berlaku sekalipun wanita akan tetap datang bulan dan mereka memerlukan jumlah tuala wanita yang mencukupi sepanjang dalam kem. Bayangkan sekiranya ini tiada, pasti mereka tiada keyakinan untuk keluar berhadapan orang ramai atau mengambil makanan.

"Begitu juga dengan penyediaan tandas, wanita tentunya merasa kurang selesa apabila terpaksa berkongsi tandas dengan lelaki. Walaupun remeh, ia menjadi perkara penting bagi wanita," katanya.

Di Haiti misalnya, gempa bumi berukuran tujuh skala Richter yang melanda Haiti pada Januari lalu mengorbankan 220,000 orang sementara 1.3 juta penduduk lagi kehilangan tempat tinggal. Daripada jumlah itu, lebih separuh adalah wanita dan kanak-kanak.

Sehingga hari ini, puluhan ribu mangsa masih tinggal di khemah pelarian yang kini diancam wabak taun dan mencatatkan lebih 1,600 kematian. Justeru, penekanan kepada aspek kesihatan adalah sangat penting bagi mengurangkan penularan penyakit berjangkit.

Sementara itu, Penasihat Kesihatan Reproduksi dan Seksual Badan Perancang Keluarga Antarabangsa Bagi Rantau Asia Tenggara, Sarah Chynoweth, mengakui hampir 70 juta pelarian kehilangan tempat tinggal akibat bencana alam dan peperangan manakala 75 peratus sehingga 85 peratus adalah wanita dan kanak-kanak yang antaranya menjadi pelarian selama 17 tahun.

Menceritakan pengalaman□nya ketika menghantar bantuan ke Darfur, hampir setiap hari ada wanita dirogol. Apa yang menyedihkan ialah doktor dan pasukan perubatan yang ada ketika itu tidak tahu bagaimana untuk merawat mangsa rogol yang datang untuk mendapat□kan rawatan. Mangsa rogol berkenaan hanya diberikan Panadol, sedangkan apa yang mereka perlukan ialah pil pencegah kehamilan.

"Dalam masyarakat Darfur yang berhadapan dengan konflik, mereka menganggap isu rogol sebagai tabu dan berfikir bahawa setiap wanita yang mengaku dirinya dirogol perlu dibunuh dan mangsa rogol perlu dicegah daripada hamil dengan secepat mungkin," katanya.

Chynoweth menjelaskan, aspek kesihatan reproduktif kepada pelarian wanita hanya mendapat perhatian masyarakat antarabangsa apabila seorang wanita mangsa konflik pembunuhan etnik Rwanda dibawa ke Konvensyen Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) di Geneva pada 1994. Mangsa berkenaan menceritakan penderaan seksual yang dilalui.

"Sejak itu, penjagaan kesihatan reproduktif menjadi sebahagian daripada bantuan yang diberikan oleh badan kemanusiaan antarabangsa sehingga ke hari ini. Mereka perlu dibantu daripada segala aspek kerana biasanya mereka yang kehilangan tempat berteduh mengambil masa sehingga 17 tahun atau satu generasi untuk memiliki rumah sendiri," jelasnya.

Pengarah NIEW, Datuk Dr Rafiah Salim, berkata semua pihak tidak boleh mengharap□kan PBB untuk menyelesaikan masalah yang dibangkitkan dalam persidangan berkenaan.

Sebaliknya mereka yang terbabit dalam persidangan itu memainkan peranan secara proaktif untuk me□nyuarakan pendapat dan kehendak mereka bagi menjamin kesejahteraan wanita sejagat terutama mangsa pelarian.

NIEW pula sentiasa komited dalam memperjuang dan memperkasa golongan wanita di negara anggota NAM menerusi pelbagai inisiatif antaranya misi bantuan, latihan serta taklimat dan penganjuran persidangan sedemikian.

"Persidangan yang □membincangkan mengenai Kesihatan dan Kesejahteraan Wanita Yang Berhadapan Krisis adalah medium terbaik bagi merangka lebih banyak strategi serta program ber□kaitan wanita dan gadis dalam memperting□katkan sistem reproduktif pelarian wanita menjadi lebih baik.

"Ini seterusnya diserahkan kepada PBB bagi tindakan selanjutnya demi meningkat□kan bantuan untuk pelarian wanita," katanya.

Kongsi artikel ini menerusi media sosial

[Kongsi Artikel](#) | [Facebook](#) [MySpace](#) [Google](#) [Twitter](#)

DETOX FOOT PATCH
10 + 6 pcs PERCUMA
Agen Dipertukan

KAMI TAHU
CARA MUDAH

FREE SITEBUILDER
Special Promotion!

SUPLEMEN VIMAX
Original. Tulen. Dari Canada.

KEMEWAHAN DARI RUMAH
imtech.com.my

Duit loan
tertunggak ??

KELUARGA
BAHAGIA

Dr. Irfan Khairi
Dato' Fadhilah Kamsah

Anda Pembaca HMetro ?
Mahu Duit Melalui Online ?

Artikel Lain

['Saya ada tiga mak'](#)

[Anak dibela nenek memang manja](#)

[Saat-saat manis segar dalam memori](#)

['Syukur masih ada endah'](#)

[36 kanak-kanak bersahabat dengan alam](#)

Mutakhir


Pilihan tertinggi

[Penjenayah kolar putih sukar dipulih](#)
03:10:43 AM

KUALALUMPUR: Dua kategori bekas banduan iaitu penjenayah kolar putih dan seksual boleh dirawat ...

[Kenakan kos jagaan kesihatan berpatutan](#)
01:59:57 AM

[lagi berita](#)



UTAMA BERTA EKSTRA METROPLUS GIGS HATI RAP VARIASI TANYA PAKAR BIMBINGAN KOLUMNIS ARKIB SEMINGGU VIDEO

MAKLUM BALAS

Hantarkan sebarang pendapat, aduan atau komen anda mengenai laman web Harian Metro

PENGIKLANAN

Hubungi kami untuk tujuan pengiklanan dan tajaan di dalam akhbar dan laman web Harian Metro.



Dapatkan tajuk-tajuk berita utama & ikuti perkembangan terkini Harian Metro melalui Twitter

2010 © Harian Metro Sdn. Bhd. 5,033 online